

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 20 JANUARI 2024

SENTIMEN : POSITIF

MUKA SURAT : ONLINE

HARI : SABTU



BERITA SUKAN DUNIA HIBURAN BISNES RENCANA WANITA HUJUNG MINGGU BH KAPSUL BELANJAWAN 2024

NASIONAL KES POLITIK PENDIDIKAN WILAYAH

Program Kayuhan Sejuta Kasih PTPTN santuni asnaf Perlis

Oleh Aizat Sharif - Januari 22, 2024 @ 10:20am
bhnews@bh.com.my



Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail berkenan menyertai aktiviti kayuhan sempena Program Kayuhan Sejuta Kasih PTPTN melibatkan pelbagai jabatan kerajaan dan agensi swasta. - Foto BERNAMA

KANGAR: Dalam usaha memastikan pendidikan di negara ini dapat dinikmati oleh semua rakyat, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) tidak pernah meminggirkan golongan asnaf dalam membuka peluang kepada mereka mendapatkan pendidikan di pelbagai institusi pendidikan tinggi (IPT) di negara ini.

Malah, kekangan kewangan tidak boleh dijadikan sebagai alasan untuk tidak belajar bersungguh-sungguh dalam mendapatkan kejayaan kerana PTPTN sering menyediakan ruang bantuan kewangan bagi pelajar dari golongan berkenaan untuk membantu dalam menjalani pengajian mereka.

Di atas faktor itu jugalah, PTPTN terus menyantuni pelajar dari golongan asnaf bersempena Program Kayuhan Sejuta Kasih PTPTN bersama Raja Muda Perlis, Tuanku

Syed Faizuddin Putra Jamalullail dengan menyampaikan sumbangan Bantuan Pengajian KPT-PTPTN Prihatin dengan jumlah keseluruhan bernilai RM15,000 pada majlis di Pusat Transformasi Bandar (UTC) Perlis, di sini pada Sabtu.

Pengerusi PTPTN, Datuk Norliza Abdul Rahim, berkata diharapkan melalui program seperti ini dapat memupuk semangat kekitaan kepada seluruh masyarakat ke arah pembentukan gaya hidup yang cergas, sihat dan cerdas di samping mengeratkan silaturahim antara pemimpin dan masyarakat Perlis secara keseluruhannya.

"Melalui aktiviti berbasikal seumpama ini juga, ia secara tidak langsung dapat membantu masyarakat Perlis sekitarnya melalui penyampaian sumbangan yang diberikan.

"Semoga dengan pemberian sumbangan berkenaan sedikit sebanyak dapat meringankan beban golongan yang memerlukan selain menjadi platform pendedahan kepada masyarakat mengenai pentingnya bersukan untuk kualiti hidup yang lebih sejahtera," katanya menerusi satu kenyataan media selepas program berkenaan.

Pada program berkenaan, seramai 30 pelajar asnaf yang menuntut di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Arau dan Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS), Arau menerima sumbangan wang tunai RM500 serta peranti untuk kegunaan mereka dalam melaksanakan tugas pengajian mereka.



Raja Muda Perlis berkenan bergambar bersama Norliza dan penerima sumbangan Bantuan Pengajian KPT-PTPTN Prihatin pada Program Kayuhan Sejuta Kasih PTPTN di Kangar, baru-baru ini. - Foto NSTP/Aizat Sharif

Penuntut Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik, UniMAP, Muhammad Haikal Hazmi, 24, dari Pasir Puteh, Kelantan, berkata dia bersyukur apabila menjadi salah seorang penerima sumbangan Bantuan Pengajian KPT-PTPTN Prihatin kerana ia dapat membantu dalam kewangan dirinya di kampus.

"Tentu sahaja dapat memberi manfaat dari segi pengajian saya di UNiMAP kerana ia juga adalah sebagai keperluan asas buat saya untuk membeli buku teks dan keperluan lain untuk menghadapi semester akhir," katanya.

Bagi penuntut Sarjana Muda Teknologi Maklumat, UiTM Perlis, Mohamad Noor Al Amin Mohd Shahafoddin, 24, dari Ipoh, Perak menyifatkan sumbangan diberikan ibarat rezeki yang tidak disangka buatnya, terutama dalam mengharungi semester akhir di kampusnya.

"Sebagai pelajar terutama dalam menghadapi semester akhir ini, ia sangat membantu untuk menampung dan meringankan bebanan saya dan sumbangan ini akan dimanfaatkan untuk perbelanjaan harian saya merangkumi makan serta kerja tugas pengajian pada hujung semester.

"Disebabkan itu, saya sangat gembira kerana ibarat rezeki yang datang secara tiba-tiba dan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada PTPTN yang menerima saya sebagai salah seorang daripada penerima sumbangan pada hari ini dan Insya-Allah, sumbangan yang diberikan itu tidak saya persia-siakan," katanya.

Seorang lagi penuntut Diploma Pengajian Perniagaan dari PTSS, Nursazalina Gazali, 21, yang berasal dari Rawang, Selangor berkata, sumbangan bantuan yang diberikan oleh PTPTN ini amat membantu terutama untuk membayar yuran pendaftaran Ujian Bahasa Inggeris Universiti Malaysia (MUET) yang bakal diikutinya nanti.

"Sebagai pelajar politeknik, saya rasa bertuah dan berterima kasih atas sumbangan bantuan ini oleh PTPTN kerana dengan bantuan ini dapat meringankan bebanan ibu bapa yang menanggung pendidikan saya di politeknik ini," katanya.

Terdahulu, baginda berkenan menyertai aktiviti kayuhan yang dijalankan sebagai salah satu inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) PTPTN kepada masyarakat dalam membantu golongan yang memerlukan serta mempromosikan Perlis bersempena dengan Tahun Melawat Perlis 2024.

Program kayuhan itu dilepaskan Datuk Norliza Abdul Rahim di pekarangan UTC Perlis.

Dalam program berkenaan, baginda juga mengurniakan sumbangan kotak makanan kepada 18 keluarga asnaf dan PTPTN turut menyampaikan sumbangan wang tunai RM5,000 kepada Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Perlis dan sumbangan akaun Simpan SSPN Prime kepada 24 anak yatim dengan masing-masing menerima RM100 setiap seorang.

PTPTN turut menyalurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan tanpa mengira latar belakang dengan menyampaikan sumbangan wang tunai berjumlah RM5,000 kepada Rumah Seri Kenangan Kangar.

Dalam program itu juga, baginda turut diiringi anakanda, Tuanku Syed Sirajuddin Areeb Putra Jamalullail, Norliza serta pengurusan dan pengarah negeri PTPTN serta agensi kerajaan dan swasta.

Turut hadir adalah Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Datuk Muhd Khair Razman Mohamed Annuar; Penasihat Undang-Undang Negeri Perlis, Tuan Mohd Radhi Abas; Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid; Mufti Negeri Perlis, Profesor Datuk Dr Mohd Asri Zainul Abidin; Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Datuk Mohd Muazzam Mohamed dan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) Mohd Nazim Mohd Noor.

Program ini mendapat kerjasama daripada Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Perlis, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Perlis, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perlis, Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis, Jabatan Kesihatan Negeri Perlis, Jabatan Penerangan Negeri Perlis, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perlis, Majlis Perbandaran Kangar, Perlis Volunteer Action Community (PVAC) serta pelbagai pihak yang berkaitan.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1203136/program-kayuhan-sejuta-kasih-ptpn-santuni-asnaf-perlis>